

08/03/2001

PKNK masih bincang ambil Hicom

SANGLANG (Kedah), Rabu - Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) masih lagi berbincang untuk mengambil alih Hicom Holdings Bhd, kata Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Beliau berkata, pada dasarnya keputusan sudah dicapai tetapi perbincangan secara terperinci masih berjalan antara kedua pihak.

Menurutnya, perjanjian yang ditetapkan untuk ditandatangani pada 28 Februari lalu ditangguh sementara sehingga semua perbincangan itu selesai.

Syed Razak enggan menjelaskan kedudukan perbincangan itu, tetapi yakin ia dapat diselesaikan dalam tempoh terdekat ini.

"Jika semua berjalan lancar, perjanjian antara kedua pihak akan ditandatangani 24 April ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis korban anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) negeri dengan kerjasama penduduk kariah Masjid Kampung Tok Kepak, dekat sini hari ini.

Pada majlis itu, Kemas negeri menyediakan tiga ekor lembu, penduduk kampung dua ekor dan seekor oleh Ketua Umno bahagian Jerlun, Datuk Hanafi Ramli.

Lebih 800 penduduk kampung dan pemaju masyarakat Kemas Parlimen Jerlun dan Pengarah Kemas negeri, Amiruddin Ariffin turut hadir.

Minggu lalu, ketika di majlis penyampaian bantuan bencana alam kepada petani daerah Kuala Muda, di Sungai Petani, Syed Razak berkata, kedua-dua pihak bersetuju dengan syarat yang ditetapkan, tetapi di pihak PKNK ia perlu mendapat kelulusan lembaga pengarah terlebih dahulu.

Menurutnya, memiliki Hicom akan menaikkan imej PKNK dan mempertingkatkan keyakinan pelabur terhadap Kedah.

"Kita percaya perkara itu dapat diselesaikan dengan baik," katanya.

Terdahulu ketika berucap di majlis itu, Syed Razak berkata, Kedah puas hati dengan tindakan pemimpin pelbagai peringkat atasan turun ke padang untuk bertemu penduduk di peringkat akar umbi, termasuk di negeri ini.

Beliau berkata, tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat tiga hari ke Kedah yang berakhir semalam, secara langsung dapat mendekatkan lagi pemimpin tertinggi itu dengan penduduk peringkat akar umbi negeri ini.

Selama ini, katanya timbul rungutan penduduk, terutama luar bandar yang mendakwa mereka tidak pernah berjumpa pemimpin, atau pemimpin tidak menjenguk mereka di kampung.

"Tahun ini saja sudah beberapa kali Perdana Menteri melawat Kedah, termasuk ke daerah Sik, Baling, Padang Terap," katanya.

Semalam, Perdana Menteri melawat Pendang, Yan, Kubang Pasu dan Kota Star untuk bertemu rakyat. Di samping itu turut menyerahkan lima ekor lembu sebagai ibadat korban.

Lembu itu, masing-masing seekor diserahkan untuk dikorbankan di Kampung Lubuk Batu dan Wang Tepus, bagi Parlimen Kubang Pasu, Titi Gajah dan Bukit Lada (Kota Star) dan Kampung Bendang Raja, Pendang.

(END)